

# Program Sakti Siswa dan Kem Motivasi di SMK Weston eratkan hubungan warga kampus dengan masyarakat

NST 13.11.2019 8

BEAUFORT: Seramai 32 mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Program Bakti Siswa dan Kem Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Weston, di sini, baru-baru ini.

Dekan FPEP Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, program itu antara lain bertujuan mengeratkan hubungan antara warga kampus dengan masyarakat selain berkongsi ilmu dan mendedahkan konsep tanggungjawab sosial kepada para pelajar yang terlibat.

"Program yang dianjurkan bagi membentuk mahasiswa menjadi warga yang sentiasa peka untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat dan pastinya akan melahirkan siswa yang bersifat holistik."

"Ia turut dijayakan kira-kira 50 orang pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat sekolah terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan



CENDERAWATI... Raman (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada Awang Besar (kiri) sambil disaksikan Matbalii (dua kiri) dan Johamir (kanan).

pada majlis perasmian program tersebut.

Program tiga hari itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lumadan, Matbalii Musah.

Dalam ucapannya Matbalii

berkata, kehadiran mahasiswa UMS akan menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar SMK Weston untuk menyusul ke UMS suatu hari nanti.

"Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan ter-



KENANGAN BERSAMA... Gambar kenangan selepas majlis perasmian.

hadap usaha-usaha murni dari mahasiswa-mahasiswa UMS yang berjaya menganjurkan program seumpama ini di SMK Weston," ujar beliau.

Hadir sama pada majlis itu Pengetua SMK Weston, Beaufort,

Awang Besar Suran; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascaiswazah) Dr. Arif @ Kamisan Pusiran; dan Timbalan Pengarah Program Bakti Siswa dan Kem Motivasi 2019, Johamir Johari.- OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE